

15 NOV 1997

KEKAYAAN TENGGARA ASIA JATUH 30 PERATUS AKIBAT PENURUNAN NILAI MATA WANG

KULIM, 15 Nov (Bernama) -- Penurunan nilai mata wang yang dihadapi negara Tenggara Asia telah menghakis kekayaan rantau ini melebihi 30 peratus, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kesemuanya, kita anggar kira-kira AS\$200 bilion (RM670 bilion) telah terhakis daripada negara-negara di rantau ini," tambahnya di majlis perasmian kilang Industri Otomotif Komersial (M) Sdn Bhd di Padang Serai, dekat sini.

Dr Mahathir berkata terdapat juga pengurangan import ke rantau ini sebanyak jumlah yang lebih kurang sama.

Katanya negara-negara dirantau ini kini berdepan dengan masalah mata wang yang susut nilai, yang telah meningkatkan kos kesemua import.

"Kini kita tidak mampu lagi mengimport banyak barang kerana kita kekurangan dana," tambahnya.

Ketika diminta mengulasnya dengan lebih lanjut di persidangan berita, Dr Mahathir berkata penurunan nilai mata wang dan pasaran modal yang tertekan bukan hanya dialami di Tenggara Asia sahaja malah di negara-negara lain termasuk Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan.

Beliau berkata ini telah mengakibatkan kuasa pembelian berkurangan berikutan pengurangan dalam pendapatan per kapita dan keluaran dalam negera kasar negara-negara terbabit.

Dalam hal Malaysia, katanya, ia kerugian AS\$30 bilion (RM100 bilion) kerana pendapatan per kapitanya merosot sebanyak AS\$1,500 (RM5,025) daripada AS\$5,000 (RM16,700) sebelum ringgit susut nilai sebanyak 30 peratus.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi melebihi lapan peratus selama sembilan tahun berturut-turut tetapi terdapat sesetengah orang yang menyatakan ia sedikit sebanyak tidak sihat dan ekonomi akan berkembang terlalu pantas tidak lama lagi dan negara akan berdepan dengan kemelesetan ekonomi sekali lagi.

Katanya: "Sejak beberapa tahun kebelakangan orang-orang ini telah memberitahu kita bahawa kita tidak boleh mengekalkan kadar pertumbuhan lapan peratus tetapi kita telah menunjukkan bahawa kita mampu mengekalkan kadar pertumbuhan ini.

"Pesismis seperti ini masih lagi menyatakan ini tidak boleh dilakukan dan ia seharusnya tidak berlaku, dan tidak lama lagi ekonomi akan terjejas.

"Bagaimanapun, ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar lapan peratus dan mereka berpendapat bagi memastikan ramalan mereka adalah betul, mereka mengambil langkah untuk menurunkan nilai mata wang kita."

Perdana menteri berkata orang-orang seperti ini ternyata menafikan tindak tanduk mereka dan menyalakannya ke atas fundamental dan segala jenis alasan.

"Sekiranya mereka tidak memutar belitkan ringgit, mata wang tersebut tidak akan susut nilai," tambahnya.

Selepas merasmikan kilang tersebut, Dr Mahathir dibawa melawat sekitarnya di mana beliau telah menyaksikan pengeluaran komersil van Permas yang dijangka dipasarkan menjelang awal tahun depan. -- BERNAMA

RIZ MA